

31 MAR 1996

BRANEMMARK TERIMA ANUGERAH "KUNCI KEBEBASAN"

KUCHING, 31 Mac (Bernama) -- Professor Per-Ingvar Branemark, orang yang pada tahun 1950 menemui kaedah pembedahan "Osseointegration" yang mana logam titanium ditanam di dalam tulang dan dihubungkan dengan tisu hidup telah dianugerahi "Kunci Kebebasan" di sini malam tadi.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Taib Mahmud sempena Kongres Pembedahan Mulut dan Maxillofacial Asia Ketiga yang bermula pada 28 Mac di sini.

Branemark membuktikan teori bahawa tiada bahan asing yang boleh diterima oleh tisu hidup adalah salah dengan memperkenalkan titanium selepas membuat penyelidikan selama tiga dekad.

Tekniknya kini digunakan dengan meluas dalam bidang pergigian, rawatan muka serta dalam rawatan penyakit radang sendi dan pekak.

Penerima pertama anugerah Kunci Kebebasan yang merupakan anugerah tertinggi yang diberikan oleh mana-mana bandaraya ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang turut hadir pada majlis itu Datuk Bandar Kuching Selatan, Datuk Song Swee Guan dan Datuk Bandar Kuching Utara, Awang Ehsan Awang Joini. -- Bernama.

RDY MZ AHH